

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HIS 402 Fiqh Al-Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhlu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM
TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Jawab soalan (a) atau (b).

(a) Nyata dan bincangkan dengan jelas konsep Penghayatan Nilai-Nilai Islam menurut Prof. Dr. Hassan Langgulung di dalam bukunya: Asas-Asas Pendidikan Islam.

ATAU

(b) Nyata dan bincangkan dengan jelas konsep 'Tanggungjawab' menurut pandangan al-Syeikh Muhammad Abdullah al-Darraz di dalam bukunya Prinsip Akhlak Berdasarkan al-Qur'an.

2. Firman Allah bermaksud: "Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan bertujuan untuk mereka beribadat". Bertolak dari maksud ayat tersebut, bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Hikmah yang didapati di dalam 'ibadat-'ibadat khusus ke arah kestabilan sosial.
- (b) Sumbangan dan faedah 'ibadat khusus ke arah kestabilan sosial.
- (c) Sumbangan dan faedah 'ibadat khusus ke arah kemajuan ekonomi.
- (d) Bagaimana boleh difahami bahawa maksud ibadat termasuk galakan ke arah memajukan bidang penyelidikan untuk tujuan memakmurkan bumi Allah dan kesejahteraan umat manusia.

3. Jawab soalan (a) atau (b) atau (c).

ARAHAN

Bincang dan nyatakan mafhum serta pengajaran bagi tajuk yang anda pilih, kemudian beri pandangan dan saranan anda tentang bagaimana cara yang baik dan berkesan supaya kandungan tajuk yang anda bincangkan itu dapat memberi faedah dan sumbangan terhadap kehidupan umat manusia dan hubungan sesama mereka. Jawapan anda perlu disertakan dengan contoh-contoh berkenaan yang munasabah.

SAMA ADA

- (a) Konsep kejiranan menurut Islam.

ATAU

- (b) Mua'amalat riba dan kesannya terhadap kehidupan manusia.

ATAU

- (c) Jika anda tidak suka sesuatu perkara tidak baik dilakukan terhadap diri anda, janganlah pula perkara itu anda lakukan terhadap diri orang lain.

4. Sehubungan dengan 'HAK' menurut Islam, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Turunkan contoh-contoh berkenaan bagi setiap perkara di bawah:
- i. Hak Allah, hak manusia yang boleh digugurkan dan hak bersama.
 - ii. Hak manusia yang tidak boleh digugurkan.
 - iii. Hak Diyani.
- (b) Nyatakan hukum hak Allah.
- (c) Padankan contoh-contoh berikut dengan kaedah 'al-Ta'assuf' yang bersesuaian dan nyatakan dengan ringkas kaedah yang anda maksudkan.
- i. menyorok barang-barang keperluan untuk dijual dengan harga yang mahal ketika barang-barang itu berkurangan di pasaran.

- ii. perkahwinan muhallil (cina buta).
 - iii. memuatkan muatan ke dalam pengangkutan awam dengan kadar melebihi had yang dibenarkan.
5. Nyatakan hukum mua'amalat bank menurut pandangan sarjana-sarjana seperti berikut:
- (a) Al-Maududi
 - (b) Muhamad Abdullah al 'Arabi.
 - (c) Al-Syeikh Abdul Rahman Isa.

-00000000-